

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 11 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

YB PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah mekanisme penyaluran dana MITRA kepada NGO, apakah ukuran KPI projek tersebut dan bagaimana MITRA dapat memastikan dana ini tidak disalurkan kepada parti politik di masa kini dan masa hadapan.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

1. **Kerajaan telah memperuntukkan geran berjumlah RM100 juta setahun** bagi pelaksanaan program-program peningkatan sosioekonomi dan taraf hidup masyarakat India terutamanya golongan B40 di bawah **Program Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat India (PPSMI)**.
2. Pelaksanaan PPSMI meliputi 3 kluster program seperti berikut:
 - a) **Program Pembangunan Modal Insan;**
 - b) **Program Pembangunan Keusahawanan dan Kerjaya; dan**
 - c) **Program Pembangunan Sosial dan Kebajikan, Kerohanian dan Kesejahteraan.**

3. Setelah pentadbiran MITRA diletakkan di bawah Kementerian Perpaduan Negara (KPN), tindakan **penambahbaikan terhadap prosedur pemberian geran peruntukan MITRA telah dilaksanakan sebagaimana berikut:**

a) Penyediaan **Garis Panduan Pengurusan Geran Kewangan MITRA** yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF); dan

b) Penubuhan **2 buah jawatankuasa iaitu:**

i. **Jawatankuasa Penilaian Program MITRA**

- Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPN.
- Bertanggungjawab untuk mempertimbang dan memutuskan perakuan oleh Jawatankuasa Tapisan MITRA.

ii. **Jawatankuasa Pemantauan Program MITRA**

- Dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPN.
- Bertanggungjawab untuk memantau dan memastikan program-program dilaksanakan mengikut syarat yang ditetapkan kerajaan.

4. Kelulusan geran kewangan diberikan kepada permohonan yang menepati **Garis Panduan Pengurusan Geran Kewangan MITRA** tanpa mengambil kira **latar belakang parti politik atau Badan Bukan Kerajaan (NGO).**

5. Manakala bagi tujuan **pengukuran pencapaian KPI bagi setiap program yang telah diluluskan**, penerima geran kewangan dikehendaki untuk mengemukakan laporan kepada **Jawatankuasa Pemantauan Program MITRA dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha.**